



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/02/16_09 (HQ)

KOLABORASI TNB DAN PLUS SEDIA 18 KEMUDAHAN PENGECAS KENDERAAN ELEKTRIK TNB ELECTRON DI 9 R&R SEPANJANG LEBUH RAYA

Pemilik kenderaan elektrik yang menggunakan rangkaian **Lebuhraya PLUS Malaysia Berhad (PLUS)** akan menikmati perjalanan yang lebih selesa apabila 18 kemudahan pengecas TNB Electron disediakan kepada mereka menjelang hujung tahun ini, hasil kolaborasi **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** dan PLUS dengan sokongan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Pada ketika ini, kemudahan pengecas TNB Electron disediakan di 3 buah R&R iaitu Ayer Keroh (Arah Utara), Tapah (Arah Utara) di Lebuhraya Utara-Selatan dan Paka (Arah Utara) di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2).

Enam lagi TNB Electron sedang dibangunkan di R&R Machap (Arah Selatan), Rawang (Arah Utara), Gunung Semanggol (Arah Selatan), Gurun (Arah Utara dan Selatan) dan Paka (Arah Selatan) yang dijangka siap pada tahun ini.

Kolaborasi TNB dan PLUS ini adalah sejajar dengan aspirasi Malaysia menuju negara neutral karbon.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din, "Penggunaan tenaga elektrik di 9 TNB Electron itu yang dianggarkan sebanyak 99,000 kWh elektrik sepanjang tahun 2023 akan dapat menghindari pelepasan 7.2 tan metrik karbon dioksida dalam tempoh yang sama. Ini adalah bersamaan dengan pemerangkapan gas rumah hijau oleh 8.5 ekar hutan setahun."

"Pembangunan industri EV adalah sebahagian daripada komitmen TNB untuk memberi tumpuan terhadap usaha penyelesaian tenaga lestari di peringkat nasional dan antarabangsa. Agenda Peralihan Tenaga TNB menyasarkan tenaga sifar bersih pada tahun 2050 melalui pengurangan 35% intensiti pelepasan karbon menjelang 2035," katanya.

TNB, katanya, telah menjadikan pembangunan ekosistem EV sebagai antara empat inisiatif mempercepatkan pacuan Peralihan Tenaganya dalam usaha meningkatkan komitmen terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) serta memastikan pertumbuhan perniagaan yang mampan.

Menurut Ahli Lembaga Pengarah PLUS dan Pengarah Urusan Kumpulan UEM, Dato' Mohd Izani Ghani, "PLUS sebagai pengendali infrastruktur lebuhraya yang utama negara

berganding bahu bersama TNB dan menggunakan kepakaran teknologi sumber tenaga mereka untuk ditawarkan dan dinikmati oleh pengguna lebuhraya kami.”

“Sehingga Januari tahun ini, sebanyak 20 kemudahan pengecas pantas telahpun beroperasi di sepanjang Lebuhraya PLUS. PLUS juga bersedia untuk menambah lebih banyak kemudahan ini di R&R yang lain,” tambah beliau.

Menurut Dato’ Mohd Izani lagi, “Kami juga yakin bahawa Pengecas TNB Electron ini akan dapat memberikan lebih pilihan kepada pemilik kenderaan elektrik di Lebuhraya PLUS dengan kos yang lebih efektif.

Justeru, beberapa inisiatif turut dilaksanakan melalui kerjasama kedua-dua belah pihak dengan tumpuan memperluaskan lagi penyelesaian kWh, kenderaan elektrik, Tenaga Boleh Baharu serta inisiatif tenaga hijau termasuk pemasangan bumbung solar dan sistem pemantauan tenaga sebagai pelengkap inisiatif Kelestarian Alam Sekitar PLUS.

PLUS dan TNB akan meneruskan perbincangan berkaitan mobiliti rendah karbon dan meningkatkan kecekapan tenaga dengan mengoptimumkan kos elektrik di samping menyokong sumber tenaga hijau.

Majlis pelancaran operasi kemudahan pengecas kenderaan elektrik TNB Electron pertama di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Ayer Keroh (Arah Utara) di Lebuhraya PLUS telah disempurnakan oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya Malaysia, hari ini.

Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Dato’ Wira Wan Ahmad Uzir Wan Sulaiman; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) Kementerian Kerja Raya, Dato’ Zahrul Hakim Abdullah, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, Dato’ Ir. Mohd Shuhaimi Hassan; Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato’ Indera Ir. Baharin Din, Ahli Lembaga Pengarah PLUS dan Pengarah Urusan Kumpulan UEM, Dato’ Mohd Izani Ghani serta Ketua Pegawai Strategi dan Usaha Niaga (Chief Strategy & Ventures Officer) TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan.

Bagi penggunaan TNB Electron, sila muat turun Aplikasi GO TO-U dan untuk maklumat lanjut, layari <https://www.tnbx.com.my/ev-charging-platform>.

Dikeluarkan di Ayer Keroh, Melaka pada 16 Februari 2023

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi:

Untuk TNB

*Nor Hanim Idris (019-2617 617)/ Grace Tan (016-662 6229)/ Fazreen Eksan (019-3160401)
atau e-mel kami: media@tnb.com.my*

Untuk PLUS

*Syed Mohammed Idid (012-378 2728) atau Iskandar Dzulkifli (019-271 0280)
atau e-mel kami: syededid@plus.com.my atau iskandar@plus.com.my*



Majlis Pelancaran Operasi Kemudahan Pengecas Kenderaan Elektrik TNB Electron di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Ayer Keroh (Arah Utara) di Lebuhraya PLUS telah disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya Malaysia, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, hari ini (16 Februari 2023).

Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raja, Dato' Wira Wan Ahmad Uzir Wan Sulaiman (tiga, kanan); Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) Kementerian Kerja Raya, Dato' Zahrul Hakim Abdullah (paling kiri), Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, Dato' Ir. Mohd Shuhaimi Hassan (dua, kanan); Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (empat, kiri), Ahli Lembaga Pengarah PLUS dan Pengarah Urusan Kumpulan UEM, Dato' Mohd Izani Ghani (tiga, kiri) serta Ketua Pegawai Strategi, Usaha Niaga (Chief Strategy & Ventures Officer) TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (dua, kiri); dan Ketua Pegawai Operasi PLUS, Datuk Zakaria Ahmad Zabidi (paling kanan).



Menteri Kerja Raya Dato Sri Alexander Nanta Linggi (baju biru) dibantu Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB Datuk Indera Ir. Baharin Din menguji pengecas DC berkuasa 90kW selepas merasmikan Pengecas Berkelajuan Tinggi TNB Electron di kawasan Rehat dan Rawat Ayer Keroh (Arah Utara) Melaka awal pagi tadi (16 Februari 2023).



Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah memulakan operasi kemudahan pengecas yang dinamakan TNB Electron di sepanjang lebuh raya PLUS, dengan tujuan untuk membantu mengatasi kebimbangan pengguna EV apabila melalui Lebuhraya Utara-Selatan (NSE) & Lebuhraya Pantai Timur.

TNB Electron R&R Tapah (Arah Utara)(2x90kw) mula beroperasi pada 15 Februari 2023, manakala dua lagi pengecas projek perintis iaitu R&R Ayer Keroh (Arah Utara) & R&R Paka (Arah Utara) (2x90kw) mula beroperasi 20 Januari 2023.



Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah memulakan operasi kemudahan pengecas yang dinamakan TNB Electron di sepanjang lebuh raya PLUS bermula 20 Januari 2023, dengan tujuan untuk mengatasi kebimbangan pengguna EV apabila melalui Lebuhraya Utara-Selatan (NSE) & Lebuhraya Pantai Timur.

Tiga pengecas projek perintis pertama terletak di R&R Ayer Keroh (Arah Utara) (2x90kw), R&R Paka (arah Utara) (2x90kw) dan R&R Tapah (arah Utara) (2x90kw).